

Media Title : Berita Harian
Headline : Doktor rugi RM100,000 diperdaya scammer
Date : 19 June 2023
Section : Nasional
Page : 19



Doktor rugi RM100,000 diperdaya scammer

Kuantan: Seorang doktor wanita kerugian RM100,000 selepas terpedaya dengan individu yang menyamar sebagai pegawai polis dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Polis Pahang, Datuk Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan, mangsa berusia 28 tahun dari Temerloh menerima panggilan daripada suspek Jumaat lalu.

Katanya, suspek menyamar sebagai pegawai LHDN dengan memaklumkan bahawa mangsa terbabit dalam kes pengubahan wang haram, sebelum panggilan mangsa disambungkan kepada 'pegawai polis' yang mengesahkan mangsa mempunyai rekod orang yang dikehendaki dan perlu disenarai hitamkan.

"Mangsa yang panik dengan panggilan telefon itu kemudian mengikuti arahan suspek dengan membuka akaun baharu

Mangsa diminta memindahkan sejumlah RM100,000 ke akaun baharu bagi tujuan pembayaran pelepasan daripada senarai orang dikehendaki polis.

Yahaya Othman,
Ketua Polis Pahang



dan memberikan nombor kad mesin juruwang automatik (ATM) dan nombor pin kepada suspek.

"Mangsa diminta memindahkan sejumlah RM100,000 ke akaun baharu bagi tujuan pembayaran pelepasan daripada senarai orang yang dikehendaki polis," katanya semalam.

Yahaya berkata, mangsa juga diminta mengambil gambar secara swafoto dan menghantar kepada suspek setiap dua jam.

Katanya, wang simpanan mangsa leşap selepas semua proses yang diarahkan suspek dilakukan oleh mangsa dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan.

Beliau berkata, orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah berkongsi maklumat peribadi seperti nombor akaun dan sebagainya, terutama kepada individu tidak dikenali atau meragukan.